

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN (MOA) BERSAMA
MYANGKASA AMANAH BERHAD DAN
PENYAMPAIAN HADIAH KEMPEN BIAYA DAN MENANG 2017
PADA 1 APRIL 2018**

KENYATAAN MEDIA

PRESTASI CO-OPBANK PERSATUAN

1. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Co-opbank Persatuan (CBP) telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM182 juta, peningkatan sebanyak 33% atau RM45.1 juta daripada RM136.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Prestasi yang lebih baik ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pertumbuhan dalam pembiayaan persendirian dan Ar Rahnu yang didorong oleh kempen pemasaran dan promosi yang lebih agresif oleh CBP.
2. Dengan itu CBP telah mencapai keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM39.7 juta meningkat 54% atau RM14 juta berbanding tahun sebelumnya (2016 : RM25.7 juta). Jumlah keuntungan tersebut juga melepas sasaran 2017 dan merupakan rekod pencapaian tertinggi sejak penubuhan CBP.
3. Jumlah aset CBP bertambah sebanyak 38% kepada RM3.15 bilion pada penghujung 2017 daripada RM2.28 bilion (2016) mengukuhkan kedudukan CBP sebagai Co-opbank pertama di Malaysia. Pertumbuhan kukuh aset yang direkodkan ini adalah hasil daripada pertumbuhan aset pembiayaan dan penempatan aset pembendaharaan yang meningkat sejajar dengan pusuan deposit. Bagi tahun ini, CBP telah memperbaiki kedudukan pulangan aset kepada 1.2% hampir menyamai purata industri sebanyak 1.3%.

4. Dalam pada itu, jumlah deposit yang direkodkan juga terus melonjak 46% atau RM811 juta, mencecah angka RM2.57 bilion pada penghujung 2017. Malah nisbah kos kepada pendapatan (*cost to income ratio*) menurun kepada 46.5% pada akhir 2017 berbanding 53.2% pada akhir tahun sebelumnya. Angka-angka yang memberangsangkan ini membuktikan bahawa CBP berupaya mengimbangi pertumbuhan pembiayaan dengan mengekalkan posisi kecairan yang sihat.
5. Dana pemegang syer juga menunjukkan kedudukan yang memberangsangkan dengan mempunyai dana sebanyak RM391 juta. Peningkatan sebanyak 9.8% daripada RM356 juta yang dicatatkan dalam tahun 2016 diraih daripada penerbitan saham keutamaan yang dilanggan sebanyak RM29.6 juta serta peningkatan dalam keuntungan bersih. Perkara ini selaras dengan strategi CBP dalam pengekalan modal yang kukuh dan memenuhi syarat pematuhan yang ditetapkan oleh SKM dan BNM.
6. Dengan prestasi kewangan yang membanggakan ini, Anggota Lembaga telah mencadangkan kadar dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 sebanyak 6% dengan jumlah anggaran pembayaran sebanyak RM20.5 juta dan ini merupakan penambahbaikan daripada 5.5% yang telah diluluskan pada tahun sebelumnya.

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN CO-OPBANK PERSATUAN

7. CBP akan membuka beberapa lagi cawangan baharu antaranya di Batu Pahat, Temerloh, Kuala Selangor dan Port Dickson serta meneroka pasaran baharu melalui pengenalan Ejen Perbankan dan Bank Bergerak di beberapa kawasan yang telah dikenal pasti dalam tahun 2018 bagi mengembangkan lagi aktiviti perbankan dan memperkenalkan jenama CBP kepada seluruh anggota masyarakat.

8. Kedua-dua kemudahan tersebut dijangka akan dapat disediakan kepada para pelanggan dan anggota selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2018 ini. CBP akan terus mengorak langkah untuk meluaskan dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan dalam pasaran yang sangat kompetitif dan dinamik dengan meneroka peluang dan pasaran baharu di seluruh Malaysia.

PERKHIDMATAN PENGURUSAN WASIAT

9. MyANGKASA AMANAH BERHAD [1078340-H] (MAAB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan digazetkan di Jabatan Peguam Negara serta dimiliki penuh oleh ANGKASA (Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd). MAAB, adalah satu-satunya Institusi Amanah milik sektor Koperasi dengan objektif penubuhan adalah meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran pusaka, pengamanahan individu dan pengamanahan korporat. MAAB mendokong Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dengan memperkenalkan sistem berdasarkan elektronik.
10. Pada hari ini MAAB akan menjalinkan kerjasama bersama CBP dan menjadikan CBP sebagai salah satu *Corporate Channel* penjualan wasiat dan rujukan pusaka MAAB.
11. Perkhidmatan Pengurusan Wasiat adalah merupakan kemudahan yang ditawarkan bukan sahaja kepada para pelanggan tetapi khas untuk anggota CBP. Antara khidmat yang ditawarkan dalam Perkhidmatan Pengurusan Wasiat adalah seperti ketersediaan model pengurusan, penamaan harta dan saham bagi anggota-anggota dengan lebih praktikal, sistematik, bersepadu dan berlandaskan prinsip syariah Islam.
12. Selain harga perkhidmatan yang berpatutan (paling rendah dalam pasaran), pelanggan boleh meminda wasiat/wills mereka secara percuma pada bila-bila masa. Ini adalah antara kelainan yang dibawa oleh MAAB dan CBP berbanding dengan institusi pengamanahan lain. MAAB juga menjalinkan kerjasama dengan rakan korporat lain yang

mahir dalam hampir keseluruhan proses perkhidmatan pentadbiran harta pusaka. Ini akan membantu MAAB mempercepatkan proses serta memendekkan masa pengurusan harta pusaka dan seterusnya memberi manfaat yang besar kepada klien-klien MAAB iaitu waris-waris si mati.

13. Fungsi utama MAAB sebagai institusi besar Pemegang Amanah adalah menjadi pemegang amanah kepada perkhidmatan wasiat/wills, pengurusan pusaka, Amanah Korporat dan Amanah Persendirian.

KEMPEN BIAYA & MENANG

14. Produk Pembiayaan Persendirian-i Lestari merupakan salah satu daripada produk pembiayaan pilihan di CBP. Pengeluaran pada tahun 2017 telah menunjukkan jumlah pengeluaran yang memberangsangkan iaitu sebanyak RM547.93 juta. Ini menunjukkan bahawa produk pembiayaan persendirian CBP telah mendapat penerimaan dan sambutan di pasaran semasa.
15. Salah satu faktor yang menyumbang kepada pengeluaran yang memberangsangkan ini ialah kempen yang dianjurkan pada tahun 2017 iaitu kempen 'Biaya & Menang' bagi produk pembiayaan persendirian dan perumahan dengan tawaran hadiah cabutan bertuah yang menarik.
16. Kempen ini telah mula dijalankan pada 16 Januari sehingga 31 Oktober 2017. Bagi kempen ini, CBP telah menerima penyertaan sebanyak 9,558 akaun dengan jumlah pengeluaran pembiayaan sebanyak RM 456.4 juta.

KEMPEN PENDIDIKAN & KESIHATAN

17. Bagi tahun 2018, CBP akan melancarkan sebuah kempen iaitu 'Kempen Pendidikan & Kesihatan' sebagai satu kaedah untuk memasarkan produk pembiayaan persendirian di kalangan kakitangan kerajaan terutamanya di sektor jururawat dan guru. Hadiah yang ditawarkan untuk kempen kali ini adalah berbentuk Bar Emas yang bernilai :

KATEGORI	HADIAH
Tempat Utama	Bar Emas Bernilai RM 10,000.00
Tempat Kedua	Bar Emas Bernilai RM 5,000.00
Tempat Ketiga	Bar Emas Bernilai RM 3,000.00
Tempat Keempat	Bar Emas Bernilai RM 2,000.00
Tempat Kelima	Bar Emas Bernilai RM 1,000.00

18. Kempen ini akan bermula pada 2 April 2018 sehingga 8 Jun 2018 iaitu selama dua bulan. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada dari sektor kesihatan dan pendidikan bagi memohon produk Pembiayaan Persendirian-i Lestari.
19. Sempena kempen ini, CBP menawarkan bar emas yang bernilai RM 200.00 kepada dua puluh lima pelanggan yang pertama dengan pembiayaan minimum sebanyak RM50,000.00.

**TUAN HAJI KAMARI ZAMAN BIN JUHARI
PENGERUSI
CO-OPBANK PERSATUAN**

1 APRIL 2018